

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April, 1993

AKP301 - PERAKAUNAN KEWANGAN III

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Jawab LIMA soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A adalah WAJIB dan jawab SATU soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A (Wajib)

1. Jeniskan rizab-rizab berikut sebagai rizab modal atau rizab hasil dan berikan sebab bagi pilihan anda.
- (a) premium syer.
 - (b) untung sebelum perbadanan.
 - (c) rizab syer yang dirampas.
 - (d) rizab bagi kerugian pertukaran asing.
 - (e) rizab penilaian semula aset.

[10 markah]

2. (a) Bezakan di antara kepentingan minoriti langsung dan kepentingan minoriti tak langsung.
- (b) Tentukan semua kepentingan minoriti bagi struktur syarikat-syarikat berikut:



...2/-

AKP301

4. Akaun untuk Harimau Bhd, Seladang Sdn Bhd dan Kancil Sdn Bhd untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 1992 adalah seperti berikut:

Penyata pendapatan

	Harimau Sdn. Bhd.	Seladang Sdn. Bhd.	Kancil Sdn. Bhd.
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Jualan	3,600	4,000	2,000
Inventori mula	(350)	(300)	(210)
Belian	(2,300)	(3,100)	(1,390)
Inventori akhir	250	200	200
Untung kasar	1,200	800	600
Belanja operasi	(680)	(200)	(200)
Dividen bersih dari:			
Seladang Sdn. Bhd	120	-	-
Kancil Sdn. Bhd.	80	-	-
Untung sebelum cukai	720	600	400
Cukai	(210)	(240)	(160)
Untung selepas cukai	510	360	240
Dividen - dibayar		(160)	(120)
- dicadangkan	(200)	-	(80)
Untung tertahan bagi tahun ini	310	200	40
Untung tertahan pada 1/1/92	490	340	220
Untung tertahan pada 31/12/92	800	540	260

...4/-

AKP301

Maklumat tambahan

- (a) Harimau Sdn. Bhd. memperolehi pelaburannya pada beberapa tahun yang lalu ketika untung tertahan untuk Seladang Sdn. Bhd. dan Kancil Sdn. Bhd. ialah RM160,000 dan RM100,00 masing-masing.
- (b) Pada tarikh perolehan, tanah milik bebas Seladang Sdn. Bhd. dianggap mempunyai nilai pasaran RM100,000. Pelarasan tidak dilakukan ke atas akaun Seladang Sdn. Bhd. Aset bersih Kancil Sdn. Bhd. dicatatkan pada nilai tara (fair value) pada tarikh perolehan.
- (c) Pada 24 Disember 1992, Kancil Sdn. Bhd. menilai semula tanah milik bebas. Harga pasaran ialah RM300,000 dan nilai ini tidak digambarkan di dalam akaun Kancil Sdn. Bhd. Nilai terbaru perlu dicatatkan ke dalam penyata kewangan yang berkaitan.
- (d) Pada tahun berkenaan, Seladang Sdn. Bhd. menjual barangan yang berjumlah RM500,000 kepada Harimau Sdn. Bhd. RM100,000 daripada penjualan ini merupakan inventori akhir untuk Harimau Sdn. Bhd. Jumlah jualan dan inventori akhir di antara syarikat yang sama pada tahun yang lalu ialah RM1,000,000 dan RM200,000 masing-masing. Margin untung kasar yang normal untuk Seladang Sdn. Bhd. ialah 20%. (Abaikan kesan cukai untuk untung yang belum direalisasikan ke atas jualan antara syarikat).
- (e) Dalam akaun Harimau Sdn. Bhd. dividen belum terima telah dicatatkan di dalam akaun lain-lain penghutang.
- (f) Muhibah yang wujud pada penyatuan tidak perlu dilunaskan.

Dikehendaki

Akaun untung dan rugi yang disatukan dan kunci kira-kira disatukan untuk Harimau Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 1992. (Sila tunjuk semua perkiraan dengan jelas).

[40 markah]

...6/-

AKP301

Dikehendaki

- (i) Catatan jurnal bagi semua urusan di atas.
 - (ii) Penyata dana pemegang syer pada 31 Disember, 1992.
- (b) Pada 1 Julai 1981, Vanmala Bhd. menerbitkan 15 juta unit bon tanpa cagaran 9% bernilai muka RM1.00 satu. Bon ini boleh ditukar kepada satu syer biasa bernilai par RM0.50 satu dengan premium sebanyak RM0.25 pada 30 Jun 1988. Pada tarikh tersebut 70% daripada pemegang bon telah buat pilihan bagi penukaran kepada syer biasa.
- (i) Terangkan keadaan di mana bon boleh tukar harus digunakan.
 - (ii) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan penebusan bon pada 30 Jun 1988.

[20 markah]

6. Lembaga Pengarah Biru Bhd. dan Kuning Bhd. masing-masing telah setuju untuk menubuh sebuah syarikat baru Hijau Bhd. untuk mengkombinasikan aktiviti-aktiviti kedua-dua syarikat tersebut. Untuk mengamalkan rancangan ini, urusan-urusan berikut telah dijalankan pada 1 Julai 1992:
- (a) Hijau Sdn. ditubuhkan dengan modal dibenarkan sebanyak 5,000,000 syer biasa RM1.00 satu.
 - (b) Hijau Bhd. telah mengadakan satu terbitan awam bagi 1,000,000 syer biasa pada harga RM2.00 setiap syer. Semua syer dijual dan kos terbitan sebanyak RM50,000 ditanggung oleh Hijau Bhd.
 - (c) Semua aset (melainkan muhibah dan belanja terbitan syer) dan liabiliti Biru Bhd. diperolehi oleh Hijau Bhd. Pada tarikh yang sama Biru Bhd. dibubarkan.
 - (d) Semua modal syer Kuning Bhd diperolehi oleh Hijau Bhd.
 - (e) Pemegang syer Biru Bhd. dan Kuning Bhd. menerima 3 syer Hijau Bhd. bagi setiap 2 syer yang dimiliki dalam syarikat masing-masing.
 - (f) Pemegang dibentur dalam Biru Bhd. bertukar dibentur mereka dengan debentur 10% dalam Hijau Bhd.
 - (g) Penghutang Biru Bhd. dinilai semula kepada RM120,000 dan tanahnya dinilai semula kepada RM1,500,000.

...8/-